


# 100 sahut cabaran cukur kepala



PELAJAR dan kakitangan UNIMAS yang membotakkan kepala.

**Samarahan:** Lebih 100 pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menyertai program amal Go-Bald bagi membantu kanak-kanak yang menghadapi kanser di Dewan Tun Abdul Razak (DETAR) Putra, di sini.

Program anjuran Persatuan Pengurusan UNIMAS itu bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penyakit kanser di kalangan kanak-kanak, selain mengumpul dana untuk Pertubuhan Kanser Kanak-Kanak Sarawak.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains UNIMAS, Profesor Dr Henry Rantai Gundum berkata, pihaknya menyokong program itu kerana kesedaran mengenai penyakit kanser perlu dihebahkan.

Katanya, kanser paling banyak menyerang kanak-kanak ialah jenis Acute Leukemia.

“Dengan kemajuan teknologi perubatan, penyakit terbabit boleh diubati dengan kadar pesakit yang dipulihkan mencecah 75 hingga 80 peratus sekiranya dikesan dan diberikan dirawat awal.

“Selain itu, ramai masih beranggapan kanser boleh berjangkit, di mana ia ternyata salah kerana penyakit itu hanya dihadapi secara individu dengan kebanyakan kes tidak diketahui puncanya.

“Program ini memberikan kesedaran mengenai rawatan kanser kerana ketika pengetahuan mengenai penyakit ini masih kurang,” katanya.